



جائز احكام شرعية تكريماً للميلاد

# NOTIS PEMBERITAHUAN

## OPERASI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA PERTAMA BERKUAT KUASA MULAI 1 JULAI 2021

Dimaklumkan bahawa YAA Dato' Abas bin Nordin, Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan telah mengarahkan berkuat kuasa 1 Julai 2021, semua kes yang telah ditetapkan untuk Majlis Sulh, Rundingcara Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Sebutan dan Pendengaran kes dalam tempoh **Pelan Pemulihan Negara Fasa Pertama** akan dilaksanakan seperti berikut;

- i. Kes akan diteruskan jika pihak-pihak bersetuju dan membuat permohonan kepada Hakim-Hakim Bicara, Pendaftar, Pegawai Sulh atau Pegawai BSK untuk meneruskan kes **secara atas talian**;
- ii. Jika tiada permohonan daripada pihak-pihak untuk mengadakan perbicaraan, sebutan, Majlis Sulh atau Rundingcara BSK dibuat secara atas talian, kes akan ditangguhkan dan dibuat penjadualan semula; dan
- iii. Bagi kes-kes yang ditangguhkan dan dibuat penjadualan semula, pihak-pihak boleh melayari <https://bit.ly/semakankes> bagi mengetahui tarikh baharu prosiding kes.

Kaunter Mahkamah selain dari urusan pertanyaan akan dibuka untuk kehadiran secara fizikal dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari. **Pelanggan-pelanggan hendaklah terlebih dahulu membuat temujanji kehadiran melalui <http://bit.ly/edatesystem>.**

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Syariah Negeri Sembilan  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan  
Sendayan, Negeri Sembilan

Tarikh: 29 Jun 2021